

ARGILAN TABLET

Indapamide hemihydrate 2.5mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan ARGILAN
2. Bagaimana ARGILAN berfungsi
3. Sebelum mengambil ARGILAN
4. Cara menggunakan ARGILAN
5. Semasa menggunakan ARGILAN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ARGILAN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Sila baca keseluruhan risalah ini sebelum anda mula menggunakan produk ini.

- Sila simpan risalah ini. Anda mungkin perlu merujuknya semula.
- Sekiranya anda memerlukan maklumat yang lebih lanjut, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.
- Ubat ini dipreskribkan kepada anda. Jangan berikan kepada orang lain. Ini mungkin membahayakan kesihatan mereka walaupun tanda-tandanya adalah sama dengan anda.
- Sekiranya sebarang kesan sampingan menjadi serius atau anda perasan terdapat sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Apakah kegunaan Argilan

Argilan digunakan dalam rawatan tekanan darah tinggi (hipertensi).

Argilan boleh digunakan bersama-sama dengan ubat-ubat lain untuk menurunkan tekanan darah.

Bagaimana Argilan berfungsi

Argilan adalah dari kumpulan ubat yang dikenali sebagai diuretik, atau juga dikenali sebagai 'ubat kurangkan air badan'. Ia berfungsi dengan menyengkirkan cecair berlebihan dalam badan dan juga dengan melebarkan salur-salur darah di dalam badan.

Sebelum mengambil Argilan

Bila tidak boleh mengambil:

Anda tidak boleh mengambil Argilan sekiranya anda:

- Pernah mengalami alahan terhadap bahan aktif *indapamide hemihydrate*,

- atau kepada bahan-bahan lain yang disenaraikan pada akhir risalah ini
- Pernah mengalami alahan terhadap ubat-ubat lain yang berkaitan seperti antibiotik sulfur atau sesetengah jenis ubat kencing manis
 - Mempunyai kegagalan ginjal serius
 - Mempunyai penyakit hati serius
 - Pernah mengalami strok baru-baru ini
 - Mengandung, atau bercadang untuk mengandung
 - Sedang menyusu atau bercadang untuk menyusu bayi

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami alahan terhadap ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda:

- Mempunyai penyakit hati
- Mempunyai penyakit ginjal
- Mengalami gout atau urik asid tinggi
- Mempunyai penyakit kencing manis
- Mengalami ketidakseimbangan garam seperti paras rendah untuk garam kalium, natrium atau klorin
- Mengalami muntah atau cirit-birit yang berlebihan yang menyebabkan kehilangan air. Ini boleh menyebabkan ketidakseimbangan garam dalam badan anda
- Sedang menggunakan ubat-ubat lain untuk merawat tekanan darah tinggi
- Mengandung atau sedang menyusu atau anda bercadang untuk mengandung atau menyusu
- Ahli-ahli keluarga anda pernah mengalami kebengkakan pada muka, bibir, lidah, kerongkong, tangan atau kaki.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubat yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan Argilan. Adalah penting untuk anda memberitahu doktor atau ahli farmasi

sekiranya anda ada mengambil:

- Lithium, ubat untuk rawatan perubahan mood dan kemurungan,
- Pimozide, ubat untuk rawatan psikosis,
- Ubat injeksi tahan sakit seperti pethidin, morfin atau fentanil,
- Ubat rawatan tekanan darah tinggi yang lain seperti kumpulan *alpha-blockers* (prazosin) dan *ACE Inhibitors* (captopril),
- Ubat untuk rawatan epilepsi seperti carbamazepin,
- Ubat diuretik yang lain,
- Ubat steroid untuk keradangan seperti hydrocortisone,
- Ubat kencing manis,
- Ubat untuk asma seperti balmuterol, salbutamol dan terbutaline.

Ubat-ubat lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga akan berinteraksi dengan *indapamide*. Ahli farmasi atau doktor anda mempunyai maklumat lebih lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu anda elakkan.

Semasa Mengandung dan Menyusu Bayi

Bagaimana *indapamide* mempengaruhi bayi anda semasa mengandung atau menyusu masih belum diketahui. Oleh demikian, *indapamide* adalah tidak disyorkan untuk diambil semasa mengandung atau menyusu.

Cara menggunakan Argilan

Sentiasa mengambil Argilan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Sekiranya anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa banyak harus digunakan

Dos yang diberikan oleh doktor anda mungkin berlainan dengan risalah ini.

Dos biasa:

Dos biasa adalah 1 biji tablet (2.5mg) sekali sehari pada waktu pagi.

Bila perlu digunakan

Untuk kesan ubat yang terbaik, ambil Argilan pada waktu yang sama setiap hari, seboleh-bolehnya pada waktu pagi.

Argilan boleh diambil sebelum atau selepas makan.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doktor. Ubat ini bertujuan

ARGILAN TABLET

Indapamide hemihydrate 2.5mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

untuk mengawal masalah kesihatan anda tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Adalah penting untuk anda terus mengambil ubat ini walaupun anda berasa sihat.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos anda dengan segera apabila anda teringat dan teruskan mengambil Argilan seperti biasa. Jika menghampiri masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada waktu yang ditetapkan. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil produk ini dalam kuantiti yang berlebihan, anda mesti pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan di hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda dengan kadar segera. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan. Bawa bersama bungkus atau baki ubat yang selebihnya dengan anda.

Antara simptom terlebih dos adalah termasuk mual, muntah, tekanan darah rendah, lemah, gangguan gastro-usus, kejang otot, ketidakseimbangan garam, sentiasa kencing dan air kencing yang sedikit atau tiada air kencing langsung.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan produk ini.

Semasa menggunakan Argilan

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ikut arahan yang diberikan oleh doktor anda
- Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda hamil semasa mengambil Argilan
- Sekiranya anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Argilan
- Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang lain bahawa anda sedang mengambil Argilan
- Doktor anda mungkin akan menjalankan ujian darah untuk memastikan paras garam kalium, natrium dan klorin dalam badan anda
- Pastikan anda minum air yang mencukupi semasa cuaca panas atau

bersenam, terutamanya jika anda banyak berpeluh. Pengambilan air yang tidak mencukupi boleh menyebabkan tekanan darah anda turun dengan mendadak.

- Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami muntah atau cirit-birit yang teruk atau berterusan semasa anda mengambil Argilan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil Argilan tanpa kebenaran doktor anda.
- Jangan guna Argilan untuk merawat masalah kesihatan yang lain tanpa diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin semasa anda mengambil Argilan. Argilan boleh menyebabkan kepeninggan atau mengantuk. Jangan memandu atau menggunakan mesin jika anda mengalami keadaan ini.
- Minuman beralkohol atau pengambilan ubat lain tekanan darah dan ubat untuk epilepsi boleh memburukkan simptom ini. Jika anda mengalami simptom-simptom ini, jangan memandu atau menggunakan sebarang mesin.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Argilan mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi, bukan setiap individu akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan-sesan sampingan yang merunsingkan anda seperti berikut:

- Sakit kepala
- Pening
- Mual
- Anoreksia (hilang selera makan)
- Cirit-birit
- Sembelit
- Kejang otot
- Keletihan
- Gementar
- Gelisah
- Ketidakhadaman
- Alahan (contoh: ruam kulit)
- Pengsan

Senarai di atas adalah antara kesan-sesan sampingan umum ubat ini.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda mengalami kesan-sesan sampingan berikut:

- Hipotensi postural (tekanan darah turun dengan mendadak ketika pertukaran postur, cth. berdiri dari posisi duduk)
- Palpitasi
- Enzim hati meningkat
- Masalah darah (cth. bilangan trombosit kurang)
- Hiponatremia (garam natrium rendah)
- Metabolik alkalosis (tisu badan menjadi lebih alkali)
- Paresthesia (rasa menusuk-nusuk atau kebas)
- Sensitif terhadap cahaya
- Impotensi
- Gangguan fungsi ginjal
- Rabun dekat yang boleh dipulihkan
- Hipokalemia (garam kalium rendah)
- Urik asid tinggi
- Tidak toleransi kepada glukos
- Hiperkalsemia (garam kalsium tinggi)

Senarai di atas merupakan kesan-sesan sampingan yang jarang berlaku dan memerlukan perhatian perubatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika kesan sampingan menjadi serius atau terdapat kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan di sini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Argilan Penyimpanan

Jangan simpan melebihi suhu 30°C. Simpan dalam bungkus asal untuk melindungi daripada kepanasan, kelembapan dan cahaya.

Jangan simpan Argilan atau ubat-ubat lain di dalam tandas, berdekatan dengan sinki atau ditinggalkan di tepi tingkap atau di dalam kereta.

Jauhi daripada kanak-kanak.

ARGILAN TABLET

Indapamide hemihydrate 2.5mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Pelupusan

Jangan guna Argilan yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak atau strip.

Jika anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti mengambil *Argilan*, atau ia telah melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikan baki ubat tersebut.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Argilan adalah tablet berwarna merah jambu, berbentuk dwi-cembung bulat dan disaluti gula.

Argilan boleh didapati dalam blister strip 10 biji dalam pek 3x10, 9x10 dan 30x10 tablet sekotak

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap biji tablet mengandungi 2.5mg *Indapamide hemihydrates*.

Bahan tidak aktif:

Magnesium stearate, carnauba wax, titanium dioxide, acacia, lactose, talcum, polysorbate 80, sodium starch glycolate, starch, povidone K-90, white bees wax, calcium carbonate, shellac, sucrose, dan carmoisine (pewarna).

Nombor MAL

MAL20020538A

Pengilang

T.O. Pharma Co. Ltd.

101 Ladprao, 124 Bangkapi,

10310 Bangkok, Thailand.

Pemegang pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.

No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,

Medan Niaga Kepong,

51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

29/05/2015

Nombor siri

BPK(R4/2)290515/00131